



AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/10/2019	MUKA SURAT	:	69
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kebun musnah diserang kumpulan gajah liar

Pengusaha dakwa kejadian pada jam 12 tengah malam, tapak kaki haiwan dapat dilihat

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kluang: Seorang pekebun kerugian apabila tanaman kelapa pandan, pisang dan sawit yang diusahakannya di Batu 17, Kahang, dekat sini, musnah dipercayai dilakukan kumpulan gajah liar, semalam.

Beliau yang hanya mahu dikenali sebagai Lim, 50-an, berkata kejadian tengah malam itu disedarinya ketika ke kebun untuk melakukan kerja pembersihan dan terkejut apabila mendapati tanaman di atas tanah seluas 4 hektar berkenaan sudah 'dibersihkan'.

Katanya, ia adalah kejadian pertama sejak kebun itu diusahakan kira-kira lima tahun lalu dan berdasarkan kemusnahan terbabit, beliau percaya ia dilakukan sekumpulan melebihi lima gajah liar.

Lim berkata, beliau percaya serangan itu berlaku kira-kira jam 12 tengah malam sebelum gajah terbabit beredar ke hutan berhampiran, malah mendakwa kesan tapak kaki haiwan berkenaan juga dapat dilihat.

"Saya belum dapat menganggarkan kerugian yang terpaksa



Gajah liar musnahkan tanaman kelapa pandan, pisang serta pokok kelapa sawit, di Batu 17, Kahang.
(Foto Mohd Azren Jamaludin/BH)

ditanggung kerana semua tanaman sudah besar dan mula mengeluarkan buah, malangnya tidak sempat dituai untuk dijual kepada pemborong.

"Saya juga tidak menyangka kebun kecil ini mendapat perhatian gajah liar kerana tidak jauh dari sini, ada kebun kelapa sawit yang pokoknya sudah besar dan tinggi," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor, Salman Saaban, ketika dihubungi pula berkata pihaknya akan menyiasat dakwaan terbabit kerana belum menerima laporan daripada mangsa.



Antara pokok pisang yang musnah diserang sekumpulan gajah liar.